

U 8956 A A B  
MAHATHIR - SOKONGAN

MELAKA, 11 DIS (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA KERAJAAN MENERIMA HAKIKAT BAHAWA PENDUDUK DI KEBANYAKKAN BANDAR TIDAK PERNAH MENYOKONG KERAJAAN WALAUPUN PELBAGAI BANTUAN DIBERI BAGI MEMAJUKAN KAWASAN BANDAR.

+KITA TAHU KEBANYAKKAN MEREKA TIDAK AKAN MENYOKONG DAN INI TIDAK BERMAKNA KITA HENDAK +MENGHUKUM+ PENDUDUK BANDAR, + KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN RASMI KETUA MENTERI, SERI BENDAHARA, DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEJARAH PERJUANGAN BARISAN NASIONAL (BN) MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENDAPAT SOKONGAN DI KAWASAN BANDAR, TIDAK SEPERTI DI KAWASAN LUAR BANDAR, DAN SEHINGGA KINI MEREKA MASIH MENOLAK KERAJAAN.

+KALAU MEREKA TIDAK HENDAK MENYOKONG TIDAK APALAH...TAKKAN KITA HENDAK MENGAMBIL TINDAKAN. KITA AKAN TERUS MEMBANGUNKAN KAWASAN BANDAR DENGAN MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN SERTA MEMPASTIKAN IA CANTIK DAN BERSIH, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI KEBANYAKKAN BANDAR JIKA BN BERTANDING, PARTI ITU AKAN MENERIHA KEKALAHAN UALAUPTUN KERAJAAN MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN. -- LAGI

1549MST 11 12 8 9

DO91

U 8957 A A B  
MAHATHIR - SOKONGAN 2 MELAKA

MENURUTNYA, KEBANYAKKAN PENDUDUK KAWASAN BANDAR BERPENDIRIAN +ANTI-ESTABLISHMENT+.

APABILA DITANYA HENGENAI NASIHATNYA KEPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN, PERDANA MENTERI BERKATA: +TIEREKA HENDAKLAH MENYELESAIKAN APA JUA MASALAH, JIKA ADA, DENGAN CARA MUSYAWARAH DAN SEMANGAT MUHIBAH.+

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 ESOK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +NANTILAH DULU...APABILA SUDAH BERJUMPA BARULAH KITA UMUMKAN.+

BELIAU BERKATA HASRATNYA DALAM PERTEMUAN ITU KELAK IALAH UNTUK MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU SERTA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA.

TERDAHULU ITU, PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI TELAH DISAMBU T OLEH KIRA-KIRA 7,000 ORANG, TERMASUK PARA ANGGOTA PARTI KOMPONEN BN, DI LAPANGAN TERBANG BATU BERENDAM. -- LAGI

1550MST 11 12 89

DO92

U 8958 A A B  
MAHATHIR - SOKONGAN 3 MELAKA

DALAM UCAPAN SINGKATNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENDUDUK NEGARA INI BERADA DALAM KEADAAN ISTIMEWA KERANA DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAMAI BERBANDING DENGAN SESETENGAH NEGARA YANG SENTIASA DILANDA OLEH PELBAGAI ANCAMAN.

MENURUTNYA, SEMUA KAUM DAPAT MENJALANKAN KERJA MASING-MASING TANPA ANCAMAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK DAN INI MERUPAKAN SATU NIKMAT YANG TIADA NILAINYA.

KATANYA, KERAJAAN BERJAYA MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH MELALUI MUSYAUARAH DAN BUKANNYA MENGIKUT EMOSI. +INI MENUNJUKKAN KEISTIMEWAAN KITA DALAM MENYELESAIKAN MASALAH DAN SAYA YAKIN PADA MASA AKAN DATANG KITA AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH SEPERTI PERKAUMAN DAN EKONOMI SEHINGGA SEMUA PIHAK BERPUAS HATI.+

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HARUS BERSYUKUR DENGAN KEADAAN NEGARA SEKARANG DAN OLEH ITU HENDAKLAH MENGEKALKAN CARA-CARA YANG DIBENTUK SEKIAN LAMA KERANA IA DAPAT MEMBERI BANYAK NIKMAT. --

BERNAMA

1552MST 11 12 09